



**TAWARAN BIASISWA JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN PERINGKAT DIPLOMA DAN IJAZAH SARJANA  
MUDA DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) DAN INSTITUSI  
PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS) DALAM NEGARA  
BAGI SESI 2013/2014**

1. Permohonan adalah dipelawa daripada pelajar yang telah mendapat surat tawaran untuk melanjutkan pengajian peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda mulai Sesi 2013/2014 di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta terpilih untuk mendapatkan biasiswa tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
2. Program dan institusi-institusi yang ditaja adalah seperti berikut:

<b>PROGRAM</b>	<b>INSTITUSI</b>	<b>BIDANG</b>
IPTA	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)</li><li>2. Universiti Malaya (UM)</li><li>3. Universiti Putra Malaysia (UPM)</li><li>4. Universiti Sains Malaysia (USM)</li><li>5. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)</li><li>6. Universiti Sultan Zainal Abidin (UNiSZA)</li><li>7. Universiti Islam Antarabangsa (UIAM)</li><li>8. Universiti Malaysia Pahang (UMP)</li><li>9. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)</li><li>10. Universiti Malaysia Sabah (UMS)</li><li>11. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)</li><li>12. Universiti Malaysia Terengganu (UMT)</li><li>13. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)</li><li>14. Universiti Teknikal Malaysia (UTeM)</li><li>15. Universiti Teknologi MARA (UiTM)</li><li>16. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)</li><li>17. Universiti Utara Malaysia (UUM)</li><li>18. Universiti Malaysia Kelantan (UMK)</li><li>19. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)</li><li>20. UTM - MJIT (Malaysia-Japan International Institute Of Technology)</li></ol>	Semua bidang yang telah diiktiraf

PROGRAM	INSTITUSI	BIDANG
<p>IPTS bertaraf GLC</p>	<p>1. Universiti Multimedia (MMU) 2. Universiti Teknologi Petronas (UTP) 3. Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)</p>	<p>Kejuruteraan dan Teknologi</p>
<p>Kampus Cawangan Universiti Luar Negara Di Malaysia</p>	<p>1. University of Nottingham 2. Monash University 3. Swinburne University of Technology 4. Curtin University of Technology</p>	<p>Kejuruteraan sahaja.</p>

### 3. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

#### (a) Syarat-syarat Asas

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Umur tidak melebihi 25 tahun pada atau sebelum 1 Januari 2013;
- (iii) Memiliki Sijil Penuh bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melayakkan lantikan ke perkhidmatan awam termasuk kepujian dalam Bahasa Melayu dan Ujian Lisan pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- (iv) Telah menerima tawaran kemasukan ke tahun pertama (1) pengajian atau tahun kedua (2) dan ke atas di peringkat ijazah pertama dan mempunyai baki 2 tahun pengajian; atau
- (v) Tahun pertama peringkat Diploma dari mana-mana IPTA (kecuali UPSI).
- (vi)

#### (b) Syarat Khusus (Kelayakan Akademik)

Pemohon yang sedang mengikuti pengajian **atau** pemohon yang telah diterima masuk ke IPT seperti yang disenaraikan di perenggan 2 sama ada

peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda mulai Sesi 2011/2012 perlu mempunyai **salah satu kelayakan akademik** seperti berikut:

BIL.	KELAYAKAN	SYARAT MINIMUM AKADEMIK	PERINGKAT
1.	SPM 2012	Minimum 7 A- termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu	Diploma
2.	STPM	CGPA 3.50 (Minimum 4 subjek dengan gred minimum B)	Ijazah Pertama
3.	STAM (di samping mempunyai SPM dengan kepujian dalam Bahasa Malaysia)	CGPA 3.50 (Minimum 10 subjek dengan gred minimum Jayyid Jiddan)	Ijazah Pertama
4.	Matrikulasi/ Asasi	CGPA 3.75	Ijazah Pertama
5.	<i>A-Level</i>	12 mata dan ke atas (Gred minimum B dalam 3 subjek)	Ijazah Pertama
6.	<i>International Baccalaureate (IB)</i>	37 mata dan ke atas	Ijazah Pertama
7.	Semester 1 / tahun sebelumnya	CGPA 3.50	Ijazah Pertama
8.	Diploma	CGPA 3.50	Ijazah Pertama

#### 4. BIDANG TAJAAN

BIL.	BIDANG	KURSUS
1	<b>KEJURUTERAAN DAN TEKNIKAL</b>	Kejuruteraan & Pembuatan, Mekanikal, Elektrikal, Elektronik, Kimia, Aeronautikal, Automotif, Senibina, Ukur Bahan, Ukur Tanah, Perancangan Bandar dan Wilayah, <i>Sustainable Energy, Renewable Energy Software Design</i> , Robotik, Teknologi Hijau.
2	<b>SAINS SOSIAL</b>	Perakaunan, Undang-undang, Ekonomi, Perhubungan Antarabangsa, Ekonomi Antarabangsa, Sains Politik, Psikologi, Sosiologi, Komunikasi, Geografi, Undang-Undang, Kulineri, <i>Fashion &amp; Design</i> , Perniagaan, Pemasaran, Kewangan, Perbankan, Perdagangan, Pengurusan Hartanah, Pengurusan Sumber Manusia, Pelancongan, Sejarah, Falsafah, Teori Politik, Antropologi, Linguistik, Muzik, Pengajian Islam, Syariah, Usuluddin, Bahasa..
3	<b>KLINIKAL DAN KESIHATAN</b>	Perubatan, Pergigian, Farmasi, Dietetik, Bioteknologi perubatan, Sains Forensik, Fisioterapi, Sains Pemakanan, Pertuturan, Pemulihan Cara Kerja, Audiologi, Optometri, Pengimejan, Radioterapi Persekitaran, Sains Perubatan Kecemasan.
4	<b>SAINS FIZIKAL</b>	Fizik, Kimia, Matematik, Statistik, Sains Komputer, Sains Aktuari, Kejuruteraan Sistem Komputer.
5	<b>SAINS HAYAT</b>	Berkaitan Pertanian, Agronomi, Biologi, Bioteknologi, Mikro Biologi, Zoologi, Sains Tani, Sains Makanan, Marin, Perhutanan, Astronomi, Biokimia, Biogeosains, Sains Biologi, Genetik, Perikanan, Geologi, Sains Persekitaran, Nanosains, Neurobiologi, Sains Nuklear, Sains Verterinar.

## **5. BIDANG-BIDANG YANG TIDAK DITAJA**

- (i) Pendidikan;
- (ii) Penerbangan/ penyelenggaraan pesawat dan sebagainya;
- (iii) Diploma Kejururawatan dan Separa Perubatan yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan;
- (iv) Kursus-kursus Profesional (contoh : ACCA/ CIMA/ AutoCAD/ Linux);
- (v) Program berkembar dengan institusi luar negara atau seumpamanya;
- (vi) Bidang/ Kursus yang mensyaratkan pelajar mengambil/ mengikuti sebahagian daripada semester/subjek/ mata pelajaran/ latihan amali di luar negara; dan
- (vii) Lain-lain bidang yang tidak ditaja oleh Kerajaan (contoh: *Double Degree*).

## **6. CALON-CALON YANG TIDAK LAYAK MEMOHON**

- (i) Pelajar-pelajar yang tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan asas dan khusus yang ditetapkan.
- (ii) Calon yang sedang ditaja bagi mengikuti pengajian peringkat ijazah pertama dan diploma ke Institusi Pengajian Tinggi Tempatan.
- (iii) Pelajar-pelajar yang sedang ditaja oleh badan penaja lain.
- (iv) Pelajar-pelajar yang telah mempunyai Ijazah Pertama, Diploma Lيسان Ijazah atau Diploma anjuran sesuatu Jabatan/ Agensi.
- (v) Pelajar-pelajar yang sedang mengikuti pengajian Diploma dalam tahun kedua dan ke atas.
- (vi) Kursus-kursus yang berkaitan dengan pendidikan seperti Kursus Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan.
- (vii) Pelajar-pelajar yang sedang mengikuti kursus peringkat Matrikulasi/ Asasi Sains/ Pra-universiti/ *Alpha/ Foundation*.
- (viii) Pelajar/ pegawai/ penjawat awam yang sedang mengikuti program/ kursus jarak jauh/ separuh masa.

- (ix) Pelajar yang akan dan sedang mengikuti Program Kerjasama, Program Berkembar, Program *Double Degree*, Program Luar Kampus dan Program Jarak Jauh.

## 7. KADAR BIASISWA

Kadar yuran pengajian peringkat Ijazah Pertama tertakluk kepada innois yang dikemukakan oleh IPT berkenaan.

Kadar elaun yang akan diterima oleh pelajar adalah seperti berikut:

JENIS ELAUN	ELAUN SARA HIDUP (SETAHUN) RM		ELAUN BUKU (SETAHUN) RM	ELAUN ALAT PERKAKAS (SETAHUN) RM	ELAUN TESIS (SEKALI SAHAJA) RM	ELAUN KERTAS PROJEK (SETAHUN) RM	ELAUN LATIHAN AMALI (SEHARI) RM
	Kadar A*	Kadar B**					
<b>Diploma</b>							
(a) Sastera	7,560	6,426	400	50	-	150	-
(b) Sains	7,560	6,426	400	100	-	150	-
(c) Teknologi	7,560	6,426	400	150	-	150	-
(d) Seni bina	7,560	6,426	400	250	-	150	-
(e) Perubatan Bersekutu	7,560	6,426	400	250	-	150	-
<b>Ijazah Pertama</b>							
(a) Sastera	8,400	7,140	600	100	300	150	10
(b) Sains	8,400	7,140	600	200	300	150	10
(c) Teknologi	8,400	7,140	600	300	300	150	10
(d) Seni bina	8,400	7,140	600	500	300	150	10
(e) Perubatan							
(i) Veterinar	8,400	7,140	1,000	500	300	150	10
(ii) Perubatan, Farmasi, Pergigian	9,240	7,854	1,000	500	300	150	10

### CATATAN:

- (1) \* Bagi kawasan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Seberang Perai, Johor Bahru, Shah Alam, Subang Jaya, Petaling Jaya, Klang, Kajang, Selayang, Sepang, Sabah dan Sarawak
- (2) \* \* Bagi kawasan-kawasan selain di para (1).
- (3) Yuran pengajian akan dibayar kepada IPT dan Tambang Kapal Terbang dibayar kepada pelajar yang layak dan akan menjadi sebahagian daripada pakej penajaan.

**Tambang Kapal Terbang (2 Hala) Peringkat Diploma/Ijazah Setahun:**

- Pelajar Semenanjung ke Sarawak dan sebaliknya - RM700.00
- Pelajar Semenanjung ke Sabah dan sebaliknya - RM1,000.00
- Pelajar Labuan ke Sarawak dan sebaliknya - RM400.00
- Pelajar Labuan ke Sabah dan sebaliknya - RM100.00
- Pelajar Sarawak ke Sabah dan sebaliknya - RM500.00

**8. TEMPOH KONTRAK**

Pemohon yang menerima tawaran biasiswa tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan dan sekiranya enggan, tuntutan ganti rugi akan dikenakan. Tempoh berkhidmat dengan Kerajaan dan amaun tuntutan ganti rugi adalah seperti di bawah:

PERINGKAT/TEMPOH PENGAJIAN	TEMPOH BERKHIDMAT DENGAN KERAJAAN		AMAUN GANTI RUGI (RM)	
	Kursus Bukan Profesional	Kursus Profesional*	IPTA	IPTS
<b>Peringkat Diploma:</b>				
3 tahun atau kurang	3	5	70,000	} Kos Sebenar
Lebih dari 3 tahun	4	6	100,000	
<b>Peringkat Ijazah:</b>				
4 tahun atau kurang	4	6	110,000	} Kos Sebenar
Lebih dari 4 tahun	5	7	130,000	
Kursus Perubatan dan Pergigian	-	10	250,000	

**\*Catatan:** Kursus Profesional meliputi kursus-kursus seperti Perubatan, Pergigian, Farmasi, Sains Perubatan Veterinar, Kejuruteraan, Seni Bina, Perakaunan, Undang-undang, Penilaian Harta, Ukur Bahan dan Ukur Tanah.

## 9. CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat secara dalam talian (*online*) sahaja. Permohonan adalah percuma. Cara memohon adalah seperti berikut:

- (i) Pemohon boleh mengemukakan permohonan mulai **9 September 2013** dengan melayari laman sesawang <http://www.jpa.gov.my> atau <http://pidn.jpa.gov.my>;
- (ii) Pemohon dibenarkan mengemas kini atau meminda sebelum tarikh tutup permohonan. Hanya permohonan yang terkini sahaja diambil kira sebagai penerimaan permohonan;
- (iii) Borang permohonan dalam talian yang dimuat turun, dicetak dan dihantar melalui pos **tidak akan diproses**;
- (iv) Permohonan secara dalam talian tidak memerlukan penghantaran salinan sijil-sijil, kecuali dinyatakan dalam “Slip Pengesahan Permohonan Biasiswa JPA Tahun 2013”;
- (v) Pemohon hendaklah memastikan proses permohonan telah sempurna dengan **mencetak “Slip Pengesahan Permohonan Biasiswa JPA Tahun 2013” sebagai bukti permohonan telah dibuat**;
- (vi) Pertanyaan mengenai **masalah teknikal** semasa mengisi borang permohonan dalam talian boleh dibuat dengan menghubungi talian 03-88853453, 03-88853541 atau 03-88853532. Talian-talian ini dibuka setiap hari bekerja dari jam 8:30 pagi hingga 5:00 petang; dan
- (vii) Pertanyaan mengenai **program tajaan** boleh dibuat dengan menghubungi talian 03-88853049 (10 talian) pada setiap hari bekerja mulai jam 8:30 pagi hingga 5:00 petang atau e-mel di alamat [pidn2013@jpa.gov.my](mailto:pidn2013@jpa.gov.my).

## 10. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan ialah pada **16 September 2013 (Isnin)**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.



## 11. PENGHANTARAN DOKUMEN

Calon yang telah memohon secara dalam talian diwajibkan untuk mengemukakan dokumen seperti berikut:

- (i) Slip Pengesahan Permohonan;
- (ii) Borang Pengesahan Pendapatan Keluarga (diperoleh dari laman web eSILA di <http://esilav2.jpa.gov.my>); dan
- (iii) Slip Gaji Ibu/Bapa. (sekiranya ada)

Dokumen tersebut perlu dihantar dan tiba di alamat berikut selewat-lewatnya pada **20hb September 2013**:

**Unit Penawaran Latihan Sebelum Perkhidmatan**  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Aras 5, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA

## 12. KEPUTUSAN PERMOHONAN

Keputusan permohonan biasiswa Program Ijazah Dalam Negara dijangka akan diumumkan melalui laman sesawang [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my) pada **21 Oktober 2013 (Isnin)**.

**TAMAT**